

19 MAR 2000

Umno-Johor

11 BAHAGIAN UMNO DI JOHOR CALONKAN DR M DAN PAK LAH

JOHOR BAHRU, 19 Mac (Bernama) -- Sebelas bahagian Umno di Johor yang telah mengadakan mesyuarat perwakilan masing-masing setakat ini mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk jawatan presiden dan timbalan presiden parti pada pemilihan Mei ini.

Bahagian-bahagian itu ialah Ledang, Sungai Benut, Senai, Segamat, Tenggara, Mersing, Bakri, Johor Baharu, Gelang Patah, Sri Gading dan Parit Sulong.

Johor mempunyai 20 bahagian dan sembilan bahagian lagi akan bermesyuarat pada 26 Mac ini.

Bahagian-bahagian yang akan bermesyuarat pada 26 Mac ialah Pulai, Pagoh, Tebrau, Kluang, Labis, Batu Pahat, Muar, Pontian dan Kota Tinggi.

Bagi jawatan naib presiden, Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman dan Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak mendapat pencalonan daripada 11 bahagian yang telah bersidang itu.

Abdul Ghani, yang juga Pengerusi Perhubungan Umno Johor, ialah antara tiga tokoh Umno dari Johor yang menawarkan diri bertanding jawatan naib presiden.

Dua yang lain ialah Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwah Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Syed Hamid ialah Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno Johor dan Ketua Umno Bahagian Kota Tinggi manakala Muhyiddin Ketua Umno Bahagian Pagoh.

Ketua Menteri Sabah Datuk Osu Sukam mendapat empat pencalonan bagi jawatan naib presiden manakala Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad tiga pencalonan.

Osu mendapat pencalonan daripada bahagian Senai, Tenggara, Sri Gading dan Johor Baharu manakala Mohamed Isa mendapat pencalonan dari Segamat, Mersing dan Bakri.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim pula mendapat dua pencalonan iaitu dari Sungai Benut dan Parit Sulong. Menteri Besar Selangor Datuk Seri Abu Hassan Omar dan Muhyiddin masing-masing mendapat satu pencalonan.

Abu Hassan dicalonkan oleh Bahagian Ledang manakala Muhyiddin oleh Bahagian Gelang Patah.

-- BERNAMA

MKO NAK